KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI MALAYSIA

# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
## SABTU 13 JULAI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5.<br>6.<br>7.<br>8.<br>9.<br>10. | MOA BAWA TEKNOLOGI CHINA DALAM SEKTOR TANAMAN PADI – SALAHUDDIN, NEWS, BERNAMA -4<br>MOA, CHINA BEKERJASAMA BANTU TINGKATKAN PENGELUARAN PADI, NEWS, MALAYSIA SHAFAQNA -5<br>MOA BAWA TEKNOLOGI CHINA DALAM SEKTOR TANAMAN PADI, NEWS, ZZ SELANGOR KINI -10<br>RICE SECTOR: GOVT WANTS TO COLLABORATE WITH CHINA – SALAHUDDIN, NEWS, BERNAMA -4<br>KEMBARA MEDIA MOA PROMOSI INDUSTRI AGROMAKANAN SABAH, NEWS, BH (SABAH AND SARAWAK) -2<br>KEMBARA PROMOSI INDUSTRI AGRO, NEWS, HM (SABAH AND SARAWAK) -4<br>KEMBARA MEDIA MOA TEROKAI INDUSTRI PERTANIAN, AGROMAKANAN SABAH, SEMASA, NSTB (KK) -2<br>MOA-MEDIA ROAD TRIP TO EXPLORE SABAH AGRICULTURE, AGRO-FOOD INDUSTRY, HOME, NEW SABAH TIMES ENGLISH (KK) -1<br>ROAD TRIP TO EXPLORE SABAH'S AGRI POTENTIAL, DEVELOPMENT, NTION, DAILY EKSPRESS (KK) -2<br>MOA-MEDIA ROAD TRIP TO EXPLORE SABAH AGRICULTURE, AGRO-FOOD INDUSTRY, HOME, BORNEO POST (KK) -5 | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17. | DUA BOT NELAYAN MYANMAR DITAHAN, NEWS, UM (UTARA) -45<br>DUA BOT NELAYAN MYANMAR DITAHAN, DALAM NEGERI, UM -45<br>NEKAD REMPUH APMM, MUKA DEPAN, HM -1<br>4 JAM KEJAR SAMSENG LAUT, SETEMPAT, HM -6<br>TUKAR SASARN KE PERAIRAN SABAH, SARAWAK. SETEMPAT, HM -7<br>ADA JADI DALANG, SETEMPAT, HM -8<br>DOF, SPRM SEDIA BEKERJASAMA, SETEMPAT, HM -8 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 18. | AUSTRALIAN WOMAN DETAINED FOR BRINGING MUTTON, BEEF, PORK INTO MALAYSIA, NATION, KWONG WAH YIT POH -A14 | MAQIS |
| 19. | NAFAS SASAR SEJUTA KEAHLIAN MENJELANG PERTENGAHAN TAHUN HADAPAN, NEWS, BERNAMA -4 | PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS) |
| 20. | REINVENTING AND RE-ENGINEERING FAMA, NEWS, FOCUS MALAYSIA -5,12 | FAMA |
| 21. | TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM DIBUKA, UTUSAN KOTA, UM -16 | TAMAN BOTANI NEGARA SHAH ALAM (TBNSA) |
| 22.<br>23.<br>24.<br>25. | MOA MAHU IADA KOTA BELUD MAJUKAN TANAMAN PADI ORGANIK, TEMPATAN, HARIAN EKSPRESS (KK) -1<br>PETANI KG TAMBATUON BERPOTENSI MAJUKAN PADI ORGANIK, NEWS, UTUSAN BORNEO ONLINE -10<br>FEDERAL SUPPORT FOR KOTA BELUD'S ORGANIC PADDY EFFORTS, NATION, DAILY EKPRESS (KK) -2<br>KOTA BELUD IADA'S ORGANIC PADDY COMMERCIALISATION GETS MOA'S SUPPORT, HOME, BORNEO POST (KK) -2 | KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA) |
| 26.<br>27.<br>28.<br>29.<br>30.<br>31.<br>32.<br>33.<br>34. | PENDUDUK KAMPUNG NELAYAN KUALA PERLIS JADI TONTO BOT ASING, NASIONAL, BH -18<br>BEKAS TEKONG JADI DALANG GAGAL OPERASI, DALAM NEGERI, UM -45<br>TAMBAK LAUT: KERAJAAN NEGERI SEDIA BERI TAKLIMAT PROJEK, DALAM NEGERI, UM -21<br>TAK ABAI KEBAJIKAN NELAYAN, SINAR NEGERI, SH -35<br>SERUNDING RESIPI MEK NOR JADI PILIHAN WARGA KOTA, UTUSAN KOTA, UM -19<br>EKSPORT 10,000 KILOGRAM MUSANG KING, NEGARA, KOSMO -13<br>DUA DURIAN 'HANGAT' DI PASARAN, PANTAI TIMUR, SH -38<br>LENSA KEHIDUPAN, FORUM, UM -16<br>BAKING ON KELULUT BEES AND MUSANG KING, NATION, DAILY EKSPRESS (KK) -12 | LAIN - LAIN |

| | | |
|---|---|---|
| 35. | PROMOTING CHINESE TOURIST TO VISIT DURIAN ORCHARDS, NATIONAL, NANYANG SIANG PAU -A4 | |
| 36. | PM, ANWAR BINCANG BANTAHAN PROJEK TAMBAK LAUT, NASIONAL, BH -3 | |
| 37. | PRICEY MUSANG KING CENDOL A BOON FOR MELAKA STALL OWNER, NATION/NEWS, NST -15 | |
| 38. | ANGRY CUSTOMER MAKES CENDOL SELLER EVEN RICHER, NATION, THE STAR -3 | |
| 39. | 'FISHING FOLK WILL BE WELL TAKEN CARE OF', NEWS/NATION, NST -12 | |
| 40. | PENANG CM TO FISHERMEN: WE WILL PROTECT YOUR RICE BOWL, NEWS, MALAYSIA MSN -6 | |
| 41. | BIRD'S NEST MERCHANT URGED NOT TO DEPENDENT ON EXPORTS, SHOULD DEVELOP MORE BY, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A12 | |
| 42. | PENANG: SPECIAL TEAM TO NEGOTIATE WITH FISHERMEN ABOUT LAND RECLAMATION COMPENSATION, NEWS, ORIENTAL DAILY NEWS -A38 | |
| 43. | PENANG: SPECIAL TEAM TO NEGOTIATE WITH FISHERMEN ABOUT LAND RECLAMATION COMPENSATION IN, NEWS, CHINA PRESS (NORTHERN) -C2 | |

**UKKMOA**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI**
**(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA bawa teknologi China dalam sektor tanaman padi - Salahuddin | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# MOA bawa teknologi China dalam sektor tanaman padi - Salahuddin

KOTA BELUD, 13 Julai (Bernama) -- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mahu mengadakan kerjasama dengan China bagi membawa masuk teknologi baharu dalam usaha meningkatkan hasil tanaman padi di negara ini, kata Menteri Datuk Salahuddin Ayub.

...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA, China bekerjasama bantu tingkatkan pengeluaran padi | | |
| MediaTitle | Malaysia Shafaqna (malaysia.shafaqna.com) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 5 | Readership | 5 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,200 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 3,600 |

# MOA, China bekerjasama bantu tingkatkan pengeluaran padi

KOTA BELUD: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan bekerjasama dengan China untuk membawa teknologi berkaitan penanaman padi bagi meningkatkan pengeluaran padi negara.
Baca tapak asal

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA bawa teknologi China dalam sektor tanaman padi | | |
| MediaTitle | ZZ Selangorkini (https://selangorkini.my/) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | Malay | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# MOA bawa teknologi China dalam sektor tanaman padi

KOTA BELUD, 13 JULAI: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mahu bekerjasama dengan China bagi membawa masuk teknologi baharu dalam usaha meningkatkan hasil tanaman padi di negara ini, kata Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub.
Beliau berkata, ...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Rice sector: Govt wants to collaborate with China - Salahuddin | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# Rice sector: Govt wants to collaborate with China - Salahuddin

KOTA BELUD, July 13 (Bernama) -- The Ministry of Agriculture and Agro-based Industry (MOA) wants to collaborate with China to introduce new technology here in efforts to improve rice yields in the country, says its minister Datuk Salahuddin Ayub.
He said...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kembara Media MOA promosi industri agromakanan Sabah | | |
| MediaTitle | Berita Harian (Sabah and Sarawak) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | News | Circulation | 246 |
| Page No | 2 | Readership | 738 |
| Language | Malay | ArticleSize | 138 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 1,486 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 4,458 |



# Kembara Media MOA promosi industri agromakanan Sabah

**Kundasang:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menganjurkan program Kembara Media MOA 2019 selama tiga hari di Sabah, bermula semalam hingga esok.

MOA dalam satu kenyataan, semalam, berkata program itu dijayakan 60 peserta membabitkan pegawai kementerian, pegawai perhubungan awam dari pelbagai jabatan dan agensi bawah kementerian berkenaan, serta pengamal media.

Program julung kali diadakan itu akan menjelajah beberapa daerah bagi mempromosi dan memberi publisiti meluas kepada industri agromakanan dan pertanian di negeri ini.

Selain itu, ia menjadi medium untuk prapublisiti Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan (HPPNK) 2019 serta Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2020.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub, dan Timbalannya, Sim Tze Tzin, serta Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan, turut hadir di beberapa lokasi terpilih dalam program itu.

Antara lokasi dilawati ialah Projek Ternakan Lembu Tenusu di Desa Cattle Dairy Farm Kundasang, Ranau; Projek Penanaman Padi di Kampung Tambatuon, Kota Belud; dan Projek Ternakan Kolam Udang Sunlight Inno Seafood, Pitas.

Selain itu, Projek Tangkapan Ikan Pari di Kota Marudu; Projek Perladangan Datuk Yap Yun Fook, Keningau; dan Projek Bot Transformasi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM), Kuala Penyu.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kembara promosi industri agro | | |
| MediaTitle | Harian Metro (Sabah and Sarawak) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3,028 |
| Page No | 4 | Readership | 9,084 |
| Language | Malay | ArticleSize | 128 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,026 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 9,078 |




Kundasang

# Kembara promosi industri agro

**Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) menganjurkan Program Kembara Media MOA 2019 selama tiga hari di Sabah bermula, semalam hingga Ahad.**

MOA menerusi satu kenyataan berkata, program itu disertai 60 peserta membabitkan pegawai kementerian, pegawai perhubungan awam dari pelbagai jabatan serta agensi di bawah MOA dan pengamal media.

Program julung kali itu akan menjelajah beberapa daerah di Sabah bertujuan mempromosi dan memberi publisiti secara meluas terhadap industri agro makanan dan pertanian di negeri itu.

Selain itu, ia menjadi medium untuk prapublisiti Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019 (HPPNK 2019) dan MAHA 2020.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub dan timbalannya, Sim Tze Tzin serta Ketua Setiausaha kementerian, Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan turut hadir di beberapa lokasi terpilih yang akan dilawati dalam program itu.




*ROMBONGAN peserta Kembara MOA bergambar di hadapan Desa Cattle (Sabah) Sdn Bhd di Kundasang.*

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Kembara Media MOA terokai industri pertanian, agromakanan Sabah | | |
| MediaTitle | New Sabah Times Bahasa (KK) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Semasa | Circulation | 11,025 |
| Page No | 2 | Readership | 33,075 |
| Language | Malay | ArticleSize | 214 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 474 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,422 |



# Kembara Media MOA terokai industri pertanian, agromakanan Sabah

**RANAU: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) kelmarin memulakan Program Kembara Media MOA di Sabah selama tiga hari bagi menerokai pembangunan industri pertanian dan potensi agromakanan di negeri ini.**

Menurut kenyataan media MOA, program julung kali dianjurkan itu melibatkan seramai 60 peserta terdiri daripada pegawai kementerian, pegawai perhubungan awam daripada jabatan dan agensi kementerian serta pengamal media Sabah.

Program kembara itu akan menjelajah beberapa daerah di Sabah bagi mempromosi dan memberi publisiti secara meluas terhadap industri agromakanan dan pertanian di negeri ini.

"Selain itu, ia juga akan menjadi medium untuk prapublisiti Hari Peladang, Penternak dan Nelayan Kebangsaan 2019 dan Pameran Pertanian, Hortikultur dan Pelancongan Agro Antarabangsa 2020," menurut kenyataan itu di sini, kelmarin.

Antara lokasi dilawati ialah Projek Ternakan Lembu Tenusu di Desa Cattle Dairy Farm Kundasang, Ranau; Projek Penanaman Padi di Kampung Tambatuon, Kota Belud; Projek Ternakan Kolam Udang, Sunlight Inno Seafood di Pitas.

Para pengamal media turut dibawa menerokai Projek Tangkapan Ikan Pari di Kota Marudu, Projek Perladangan Datuk Yap Yun Fook di Keningau dan Projek Bot Transformasi Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia di Kuala Penyu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub serta timbalannya Sim Tze Tzin dan Ketua Setiausaha MOA Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan turut hadir di beberapa lokasi terpilih yang akan dilawati dalam program ini.-Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA-media road trip to explore Sabah agriculture, agro-food industry | | |
| MediaTitle | New Sabah Times English (KK) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 11,025 |
| Page No | 1 | Readership | 33,075 |
| Language | English | ArticleSize | 103 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 228 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 684 |



# MOA-media road trip to explore Sabah agriculture, agro-food industry

RANAU: The Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA) yesterday launched a three-day media road trip programme to Sabah to explore the development of the agriculture industry and the potential of agro-foods in the state.

According to a statement by the MOA, the inaugural programme involved 60 participants comprising officials from the ministry and public relations officers in the departments and agencies as well as media practitioners in Sabah.

The trip will explore several districts in Sabah to promote and publicise the agro-food and agriculture industry in the state.

"Apart from that, it will also be a pre-publicity platform for the 2019 National Farmers, Breeders and Fishermen's Day (HPPNK2019) and the 2020 International Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition," the statement said yesterday.

Among the locations involved are the dairy cattle project at the Desa Cattle Dairy Farm in Kundasang, Ranau, paddy planting project in Kampung Tambatuon, Kota Belud and the aquaculture shrimp project by Sunlight Inno Seafood in Pitas.

The participants will also be exploring the stingray fish landing project at Kota Marudu, Datuk Yap Yun Fook plantation project in Keningau and boat transformation project by Fisheries Development Authority of Malaysia in Kuala Penyu.

Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub, his deputy, Sim Tze Tzin and ministry secretary-general Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan will also be present at selected locations in the programme. – Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Road trip to explore Sabah`s agri potential, development | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 2 | Readership | 75,165 |
| Language | English | ArticleSize | 130 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 276 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 828 |



# Road trip to explore Sabah's agri potential, development

RANAU: The Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA) on Friday launched a three-day media road trip programme to Sabah to explore the development of the agriculture industry and the potential of agro-foods in the State.

According to a statement by the MOA, the inaugural programme involved 60 participants comprising officials from the Ministry and public relations officers in the departments and agencies as well as media practitioners in Sabah.

The trip will explore several districts in Sabah to promote and publicise the agro-food and agriculture industry in the State.

"Apart from that, it will also be a pre-publicity platform for the 2019 National Farmers, Breeders and Fishermen's Day (HPPNK2019) and the 2020 International Agriculture, Horticulture and Agro-tourism Exhibition," the statement said.

Among the locations involved are the dairy cattle project at the Desa Cattle Dairy Farm in Kundasang, Ranau, paddy planting project in Kampung Tambatuon, Kota Belud and the aquaculture shrimp project by Sunlight Inno Seafood in Pitas.

The participants will also be exploring the stingray fish landing project at Kota Marudu, Datuk Yap Yun Fook plantation project in Keningau and boat transformation project by Fisheries Development Authority of Malaysia in Kuala Penyu.

Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub, his deputy Sim Tze Tzin and Ministry Secretary-General Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan will also be present at selected locations in the programme.

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA-media road trip to explore Sabah agriculture, agro-food industry | | |
| MediaTitle | Borneo Post (KK) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Home | Circulation | 18,290 |
| Page No | 5 | Readership | 54,870 |
| Language | English | ArticleSize | 142 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 396 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,188 |



# MOA-media road trip to explore Sabah agriculture, agro-food industry

**RANAU:** The Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA) yesterday launched a three-day media road trip programme to Sabah to explore the development of the agriculture industry and the potential of agro-foods in the state.

According to a statement by the MOA, the inaugural programme involved 60 participants comprising officials from the ministry and public relations officers in the departments and agencies as well as media practitioners in Sabah.

The trip will explore several districts in Sabah to promote and publicise the agro-food and agriculture industry in the state.

"Apart from that, it will also be a pre-publicity platform for the 2019 National Farmers, Breeders and Fishermen's Day (HPPNK2019) and the 2020 International Agriculture, Horticulture and Agrotourism Exhibition," the statement said yesterday.

Among the locations involved are the dairy cattle project at the Desa Cattle Dairy Farm in Kundasang, Ranau, paddy planting project in Kampung Tambatuon, Kota Belud and the aquaculture shrimp project by Sunlight Inno Seafood in Pitas.

The participants will also be exploring the stingray fish landing project at Kota Marudu, Datuk Yap Yun Fook plantation project in Keningau and boat transformation project by Fisheries Development Authority of Malaysia in Kuala Penyu.

Agriculture and Agro-Based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub, his deputy Sim Tze Tzin and ministry secretary-general Datuk Mohd Sallehhuddin Hassan will also be present at selected locations in the programme. – Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Dua bot nelayan Myanmar ditahan | | |
| MediaTitle | Utusan Malaysia (Utara) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 4,244 |
| Page No | 45 | Readership | 12,732 |
| Language | Malay | ArticleSize | 385 cm² |
| Journalist | MUKHATAR A. RAHMAN | AdValue | RM 3,630 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,889 |





BOT nelayan asing bersama warga Myammar ditahan kerana menjalankan aktiviti penangkapan ikan di Pantai Kerteh, Kemaman, Terengganu, kelmarin.

# Dua bot nelayan Myanmar ditahan

**Oleh MUKHATAR A. RAHMAN**
pengarang@utusan.com.my

■ **KEMAMAN 12 JULAI**

AGENSI Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kemaman menahan dua bot nelayan asing bersama empat nelayan warga Myanmar termasuk tekong kerana menceroboh perairan Kerteh dekat sini pagi semalam.

**Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim** Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, sebelum itu pihaknya menerima maklumat orang awam mengenai aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan pantai asing terbabit.

Menurutnya, berikutan itu, sebuah bot peronda ditugaskan membuat tinjauan ke kawasan tersebut dan mendapati dua bot fiber kendalian warga Myanmar yang merupakan pemegang kad Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) giat menjalankan aktiviti penangkapan ikan kira-kira sembilan kilometer dari Pantai Kerteh.

Beliau berkata, empat nelayan berusia 20 hingga 25 tahun itu ditangkap kira-kira pukul 10 pagi semalam sebelum dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut.



RASHIDILHADI

"Kes ini juga akan disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana mereka gagal mempamerkan lesen dan permit kebenaran menangkap ikan daripada Jabatan Perikanan Malaysia.

"Hasil pemeriksaan pihak kami mendapati nilai rampasan dianggarkan RM60,000 termasuk nilai dua buah bot dan juga peralatan menangkap ikan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Rashidilhadi berkata, Maritim Negeri Terengganu dan Zon Maritim Kemaman akan terus mempertingkatkan kawalan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim bagi memastikan undang-undang dipatuhi selain keselamatan pengguna maritim di perairan Malaysia sentiasa terjaga.

Sehubungan itu, beliau meminta kerjasama orang ramai membantu menangani sebarang kesalahan atau jenayah di perairan negara dengan menghubungi talian MERS 999 atau Zon Maritim Kemaman 09-8582825.

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 45 |



**BOT nelayan asing bersama warga Myammar ditahan kerana menjalankan aktiviti penangkapan ikan di Pantai Kerteh, Kemaman, Terengganu, kelmarin.**

# Dua bot nelayan Myanmar ditahan

Oleh **MUKHATAR A. RAHMAN**
pengarang@utusan.com.my

■ **KEMAMAN 12 JULAI**

AGENSI Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia) Kemaman menahan dua bot nelayan asing bersama empat nelayan warga Myanmar termasuk tekong kerana menceroboh perairan Kerteh dekat sini pagi semalam.

Pengarah Zon Maritim Kemaman, Komander Maritim Rashidilhadi Abd. Rashid berkata, sebelum itu pihaknya menerima maklumat orang awam mengenai aktiviti penangkapan ikan oleh nelayan pantai asing terbabit.

Menurutnya, berikutan itu, sebuah bot peronda ditugaskan membuat tinjauan ke kawasan tersebut dan mendapati dua bot fiber kendalian warga Myanmar yang merupakan pemegang kad Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Bagi Pelarian (UNHCR) giat menjalankan aktiviti penangkapan ikan kira-kira sembilan kilometer dari Pantai Kerteh.

Beliau berkata, empat nelayan berusia 20 hingga 25 tahun itu ditangkap kira-kira pukul 10 pagi semalam sebelum dibawa ke Jeti Zon Maritim Kemaman untuk siasatan lanjut.

"Kes ini juga akan disiasat di bawah Akta Perikanan 1985 kerana mereka gagal mempamerkan lesen dan permit kebenaran menangkap ikan daripada Jabatan Perikanan Malaysia.

"Hasil pemeriksaan pihak kami mendapati nilai rampasan dianggarkan RM60,000 termasuk nilai dua buah bot dan juga peralatan menangkap ikan," katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.



**RASHIDILHADI**

Rashidilhadi berkata, Maritim Negeri Terengganu dan Zon Maritim Kemaman akan terus mempertingkatkan kawalan keselamatan dan penguatkuasaan undang-undang maritim bagi memastikan undang-undang dipatuhi selain keselamatan pengguna maritim di perairan Malaysia sentiasa terjaga.

Sehubungan itu, beliau meminta kerjasama orang ramai membantu menangani sebarang kesalahan atau jenayah di perairan negara dengan menghubungi talian MERS 999 atau Zon Maritim Kemaman 09-8582825.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/7/2019 | HARIAN METRO | MUKA DEPAN | 1 |

# NEKAD REMPUH APMM




› Nelayan Vietnam bertindak samseng dengan melanggar dan berusaha merosakkan kipas kapal APMM yang cuba menahan mereka di Kuala Tok Bali, Kelantan. Kapal KM Pekan mengambil masa empat jam mengejar dua bot berkenaan yang membawa hasil laut Malaysia. Nilai keseluruhan rampasan termasuk bot dianggarkan RM1.5 juta, lapor Nor Amalina Alias

> 6,7&8

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 6 |




LAPORAN Harian Metro 9 Julai




LAPORAN Harian Metro 10 Julai




LAPORAN Harian Metro 11 Julai




LAPORAN Harian Metro 12 Julai






"Tekong juga melakukan pergerakan berbahaya hingga bot dikendalikan tersangkut pada sisi KM Pekan, tetapi bot berkenaan berjaya dipintas akhirnya"

*Ismail Hamzah*

KOMPLOT KLON BOT

# 4 JAM KEJAR SAMSENG LAUT

## ■ Nelayan Vietnam agresif cuba lolos diri rempuh KM Pekan

Nor Amalina Alias
am@hmetro.com.my

**Pasir Puteh**

Bukan saja bertindak menceroboh perairan negara, malah bot nelayan Vietnam turut berlagak samseng di laut apabila bertindak agresif dengan melanggar KM Pekan milik Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) ketika cuba meloloskan diri daripada penguat kuasa.

Kedegilan dan sikap biadab nelayan asing itu menyebabkan kru KM Pekan diketuai Pegawai Memerintah, Kapten Maritim Che Engku Suhaimi Che Engku Daik, mengambil masa empat jam sebelum berjaya memintas bot berkenaan pada kedudukan 97 batu nautika dari Kuala Tok Bali, jam 2.40 petang, Selasa lalu.

Pemangku Pengarah APMM Kelantan, Komander Maritim Ismail Hamzah berkata, terdahulu KM Pekan berjaya memintas dan menahan sebuah bot nelayan Vietnam pada kedudukan 92 batu nautika dari Kuala Tok Bali pada jam 1.12 tengah hari.

"Pada masa sama KM Pekan mengesan bot berkenaan berada pada kedudukan berhampiran dan terus merapati untuk melakukan penggeledahan serta pemeriksaan.

"Namun kru bot membuang tali dan pukat ke laut. Tujuan mereka adalah supaya peralatan itu terlekat pada kipas dan menghalang pergerakan KM Pekan.

"Namun atas pengalaman kru KM Pekan taktik itu tidak berhasil. Tekong juga melakukan pergerakan berbahaya hingga bot dikendalikan tersangkut pada sisi KM Pekan, tetapi bot berkenaan berjaya dipintas akhirnya," katanya pada sidang media di Pekarangan Pejabat APMM Tok Bali di sini, semalam.

Katanya, hasil pemeriksaan dilakukan pihaknya tidak menolak kemungkinan kru bot kedua yang bertindak agresif membuang alat navigasi Sistem Pengesanan Global (GPS) ke laut untuk menghilangkan bukti kedudukan bot dalam

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 7 |



ISMAIL (kanan) menunjukkan dua bot nelayan asing yang ditahan bersama 21 awak-awak, dari negara Vietnam di Pekarangan Pejabat APMM Tok Bali.



HASIL tangkapan laut bernilai RM1.5 juta dirampas dalam operasi.

# Tukar sasaran ke perairan Sabah, Sarawak

**Pasir Puteh:** Pencerobohan nelayan asing terutama warga Vietnam dilihat menumpukan sasaran ke perairan Sabah dan Sarawak selepas penguatkuasaan peraturan di Kelantan semakin ketat.

Pemangku Pengarah Maritim Negeri Kelantan, Komander Maritim Ismail Hamzah berkata, operasi Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) yang sering membuat tangkapan besar-besaran dan kerjasama dengan Polis Marin Thailand menyebabkan nelayan warga Vietnam kini mengubah aktiviti tangkapan ikan ke dua negeri berkenaan.

Katanya, pencerobohan ke atas perairan negara sangat serius kerana aktiviti tangkapan ikan di dalam perairan negara dilakukan hampir setiap hari.

"Kerakusan nelayan ini menangkap ikan dengan cara pukat tunda menyebabkan perairan negara mereka sudah tidak ada lagi hasil laut.

"Ini menyebabkan ratusan bot mereka terbiar dan mula mengaut hasil di perairan negara kita malah sekarang sudah bergerak ke perairan Sabah dan Sarawak selepas banyak aktiviti mereka terjejas dengan adanya Op Naga," katanya ketika ditemui di pejabat Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM), Tok Bali di sini, semalam.

Beliau berkata, nelayan Vietnam turut bergerak lebih jauh ke Indonesia, Filipina, China dan Australia.

Katanya, penguatkuasaan pelbagai pihak harus diperketat memandangkan nelayan asing seolah-olah tidak serik melakukan kesalahan kerana kompaun dan wang jaminan dikenakan mudah dibayar pemilik bot atau tauke mereka.

"Jika sabit kesalahan, bot akan disita namun tekong dan awak-awak akan dibebaskan dengan jaminan RM30,000 hingga RM60,000 yang sanggup dibayar pemilik.

"Sejak awal tahun ini kita lihat aktiviti pencerobohan nelayan asing dah semakin kurang di perairan Kelantan, ini hasil operasi yang dilaksanakan," katanya.





perairan Malaysia.

Beliau berkata, pihaknya merampas kedua-dua bot berkenaan, peralatan menangkap ikan, hasil tangkapan pelbagai spesies dan sotong kering seberat 60 kilogram dianggarkan bernilai RM1.5 juta.

Ismail berkata, semakan dilakukan mendapati 21 warganegara asing ditahan membabitkan dua tekong dan kru yang ditangkap berusia antara 17 hingga 55 tahun.

"Pemeriksaan pada bot pertama membawa kepada tangkapan seorang tekong dan dua kru tidak memiliki dokumen pengenalan diri yang sah.

"Sementara pemeriksaan di bot kedua pula kami menahan seorang tekong dan kru. Semakan mendapati hanya empat daripada mereka termasuk tekong memiliki dokumen pengenalan diri," katanya.

Jelasnya, dua bot berkenaan bersama tekong dan kru dibawa ke Jeti APMM di Tok Bali untuk siasatan lanjut dan bagi membantu siasatan mengikut Akta Perikanan 1985.

Beliau berkata, kejayaan itu menjadikan tangkapan menerusi Op Naga meningkat kepada 62 dengan 49 adalah bot nelayan Vietnam, dua bot Thailand dan 11 bot nelayan tempatan dalam tempoh 79 hari operasi dilaksanakan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 13/7/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 8 |



**Kuala Lumpur**

## Tegas guna peruntukan perundangan

Apa saja bentuk rantaian kegiatan mencuri hasil sumber laut perlu dilumpuhkan segera bagi mengembalikan semula hak nelayan dan pengguna Malaysia.

Timbalan Presiden Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (Fomca), Mohd Yusof Abdul Rahman berkata, pihak berkuasa berkaitan perlu menangani isu berkenaan dengan lebih tegas menggunakan peruntukan perundangan.

Beliau berkata, jika pihak berkuasa tidak dapat membanteras kegiatan nelayan asing ini, tidak mustahil ikan diimport daripada hasil tangkapan perairan Malaysia sendiri.

"Tidak adil untuk pengguna sedangkan sumber laut kita banyak dan hasil tangkapan negara kita berkualiti tetapi oleh kerana ikan itu didaratkan di negara asing kita terpaksa import pula ikan dari luar yang sebenarnya itu adalah ikan di perairan Malaysia.

"Bukan saja pendapatan nelayan kita terjejas kerana tangkapan ikan kurang berkualiti atau semakin berkurangan tetapi pengguna juga terpaksa bayar harga ikan mahal di pasaran.

"Kesannya berangkai sebab itu sepatutnya pihak berkuasa perlu hentikan segera kegiatan berleluasa ini dan siasat betul-betul serta ambil tindakan tegas kepada mana-mana pihak atau nelayan tempatan yang bersekongkol," katanya.



SEBAHAGIAN bot nelayan asing warga Vietnam yang ditahan ditempatkan di jeti APMM di Kemaman.

### KOMPLOT KLON BOT

# ADA JADI DALANG

Skuad Khas Harian Metro
am@hmetro.com.my

**Kangar**

Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM) Zon Kuala Perlis mengesan segelintir penduduk di perkampungan nelayan atau rumah laut di Kuala Perlis menjadi dalang dengan membocorkan maklumat berkaitan operasi rutin agensi itu kepada pengusaha bot nelayan asing.

Pengarah Maritim Zon Kuala Perlis, Komander (Maritim) Nurulazme Zakariah berkata, mereka ini mempunyai pengalaman di laut dan mengetahui selok belok aktiviti perikanan.

Beliau berkata, pihaknya akan bertindak dan memantau perairan berkenaan setiap kali menerima maklumat berkenaan aktiviti menangkap ikan oleh bot nelayan asing.

"Namun apabila tiba di lokasi aktiviti itu tidak ada, bot dilaporkan sudah lepas. Mereka seakan-akan mengetahui kehadiran pihak berkuasa.

"Kami tidak menolak kemungkinan pengusaha bot berkenaan mengupah penduduk di penempatan nelayan yang berdekatan untuk memantau jeti dan pergerakan kapal melakukan rondaan.

"Berdasarkan risikan, mereka yang diupah sebagai tonto ini menerima bayaran ribuan sehingga ratusan ribu ringgit setahun," katanya ketika ditemui di pejabatnya di Kuala Perlis, semalam.

Mengulas lanjut, Nurulazme berkata, pihaknya turut menemui beberapa petunjuk mengenai dakwaan bahawa penduduk setempat di perkampungan nelayan yang terbabit menjadi tonto kepada bot asing.

"Ini berdasarkan tingkah laku yang mencurigakan ditunjukkan penghuni di penempatan terapung berkenaan setiap kali melihat bot rondaan APMM keluar dari jeti.

"Mereka memasang lampu pelbagai warna di balkoni yang bertentang dengan laut, seolah-olah sebagai satu isyarat setiap kali ada rondaan bot yang dibuat pihak kami," katanya.

Sebelum ini Harian Metro melaporkan lebih 200 nelayan sekitar daerah ini mengadu perairan pantai di Kuala Sungai Bahru sering kerap diceroboh bot pukat tunda nelayan asing.

Sebahagian nelayan terbabit mendakwa penguatkuasaan yang tidak sistematik dan lemah menjadi faktor pengusaha bot haram menceroboh perairan berkenaan.

## DOF, SPRM sedia bekerjasama

**Kuala Lumpur:** Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) sedia bekerjasama dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi menangani salah laku membabitkan unsur penyelewengan termasuk membabitkan isu berkaitan pencerobohan nelayan Vietnam.

Ketua Pengarahnya Datuk Munir Mohd Nawi berkata, isu dibangkitkan lesen alibaba dan bot klon nelayan Vietnam dilaporkan Harian Metro banyak menjurus kepada aspek penguatkuasaan.

"Namun kami perlu menyiasat perkara ini dengan lebih lanjut, berdasarkan aduan DOF akan siasat sama ada benar bot itu bot asing yang diklon daripada bot tempatan melalui semakan e-lesen atau Malaysian Fishing *Vessel Record (MFVR)* dan rekod *Vessel Monitoring System (VMS)*.

"Semakan fizikal melalui pejabat perikanan negeri di pangkalan vesel yang beroperasi juga akan dilakukan.

"Boleh serah nombor bot yang didakwa bot asing klon itu kepada DOF untuk siasatan selanjutnya atau serah kepada SPRM untuk tujuan sama," katanya.

Beliau berkata, DOF mengulangi pendirian mengambil tindakan tegas terhadap mana-mana pihak yang bersekongkol dalam isu pencerobohan nelayan asing.

"Sekali lagi kita ulangi, DOF akan mengambil tindakan tegas termasuk membatalkan lesen vesel penangkapan ikan nelayan tempatan yang bersekongkol dengan aktiviti ini.

"Malah, kita telus dan sedia bekerjasama sepenuhnya dengan SPRM dalam menguatkuasakan undang-undang jika wujud sebarang ketirisan atau penyelewengan," katanya.

Katanya, semua prosedur operasi standard (SOP) diteliti semula selain penguatkuasaan dan naziran dipertingkatkan bagi menangani isu berkaitan pencerobohan nelayan asing.

"SOP perolehan vesel luar negara dan SOP pengeluaran permit laut dalam diteliti semula. Malah, penyelarasan agensi penguatkuasaan dan naziran akan dipertingkatkan lagi," katanya.

Munir berkata, bermula 2011 sebanyak 172 daripada 353 lesen dikeluarkan sudah dibatalkan kerana tidak mematuhi syarat permohonan.

Menurutnya, DOF melaksanakan langkah pengurusan mampan dalam skop lebih meluas berdasarkan semua laporan aktiviti yang memberi kesan kemerosotan kepada sumber perikanan negara.

> **"Boleh serah nombor bot yang didakwa bot asing klon itu kepada DOF untuk siasatan selanjutnya atau serah kepada SPRM untuk tujuan sama"**
> *Munir Mohd Nawi*



| Headline | Australian woman detained for bringing mutton, beef, pork into Malaysia | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | Kwong Wah Yit Poh | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 59,667 |
| Page No | A14 | Readership | 179,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 305 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 3,420 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 10,260 |







↑印尼籍乘客非法携带重达 14.8 公斤，总值约 364 令吉 8 仙香甜芒。马来西亚检疫及检验服务局充公这批芒果。

←马来西亚检疫及检验服务局充公总值 665 令吉的速冻羊肉、牛肉、猪肉及乳酪到我国，58 岁澳洲籍女子被逮捕。

# 携羊牛猪肉入境
## 澳女子被逮捕

（槟城 12 日讯）携带总值 665 令吉的速冻羊肉、牛肉、猪肉及乳酪到我国，58 岁澳洲籍女子被逮捕。

马来西亚检疫及检验服务局（MAQIS）在槟州国际机场进行取缔行动时，发现该女子携带重达 9 公斤的羊肉、4.22 公斤的牛肉、2 公斤猪肉及 4 公斤乳酪。

农业与农基副部长沈志勤日前说，自亚洲爆发非洲猪瘟（ASF）疫情后，我国已经禁乳猪入口，但是该名澳籍女子依然携带猪肉到我国。

该禁令是为了预防引进非洲猪瘟（ASF）病毒，以免破坏我国畜牧业，而且除了禁止进口，乘客也被禁止通过航空公司运载猪肉或猪肉产品。有传播 ASF 病毒风险的产品如活猪、鲜猪肉、冷冻猪肉、熏猪肉、香肠等加工猪肉产品。#

## 印尼乘客非法携带
## 14 公斤香甜芒被充公

另一方面，马来西亚检疫及检验服务局与大马皇家海关署合作，于周五(12 日）早上 11 时在槟州国际机场展开取缔行动，发现来自印尼的乘客非法携带重达 14.8 公斤，总值约 364 令吉 8 仙的香甜芒（mangga harumanis），因此充公该芒果。

当局临检时发现香甜芒没有正规入口准证，因此香甜芒全数被充公，以防虫害破坏芒果业，而且除了禁止入口，乘客也不被允许通过空运带入芒果。

上述行为抵触 2011 年检疫及检查服务法令 728 条文、11(1)、11(3)，一旦罪成可被罚款 10 万令吉或被监禁不超过 6 年或两者兼施。

MAQIS 将确保植物、动物、尸体、鱼类、农产品、土壤及进口到我国的微生物不含杀虫剂、疾病和受污染，同时也不影响我国农业发展，并注重人们健康、动物、植物、鱼类及食品安全。#

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | NAFAS sasar sejuta keahlian menjelang pertengahan tahun hadapan | | |
| MediaTitle | Bernama.com (www.bernama.com) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 2 |
| Order Rank | 4 | Readership | 7 |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 900 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 2,700 |

# NAFAS sasar sejuta keahlian menjelang pertengahan tahun hadapan

KOTA BHARU, 13 Julai (Bernama) -- Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) menyasarkan satu juta keahlian menjelang pertengahan tahun hadapan berbanding 900,000 ahli buat masa sekarang.
Ahli Jemaah Pengarah NAFAS, Mohd Hisyamuddin Ghazali berkata pertubuha...

*To read the rest of the article, click **View Full Article***

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | UTUSAN KOTA | 16 |




UNIT BERITA KOTA 44, Jalan Utusan, Melalui Jalan Chan Sow Lin, 55200, Kuala Lumpur.
Facebook: Utusan Kota Twitter: @UtusanKota Laman web: www.utusan.com.my





PINTU gerbang yang mengalu-alukan kedatangan pengunjung di Taman Botani Negara di Bukit Cerakah, Shah Alam, Selangor.

# Taman Botani Negara Shah Alam dibuka

■ SHAH ALAM 12 JULAI

TAMAN Botani Negara di Bukit Cerakah di sini, yang ditutup sejak awal Mac lalu, dibuka semula kepada orang ramai sejak seminggu lalu.

Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Mohd. Sallehhudin Hassan berkata, pembukaan semula taman botani itu lebih awal adalah bertujuan membolehkan orang ramai melakukan aktiviti riadah bersama keluarga.

"Taman botani ini, sebelum ini ditutup kerana kerja pembersihan dan pemulihan akibat kejadian ribut yang melanda awal Mac lalu.

"Namun hari ini kita nak menguar-uarkan kepada orang ramai bahawa taman botani ini dibuka kembali tetapi terhad kepada laluan A sahaja, berikutan kawasan ini menjadi tarikan kepada orang ramai untuk aktiviti riadah," katanya kepada pemberita selepas merasmikan program Fun Run sempena pembukaan semula taman botani itu, di sini.

Beliau berkata kawasan yang dibuka kepada orang ramai itu antaranya laman padi, taman rempah ratus, taman haiwan dan dewan keraian.

Katanya, walaupun kawasan berkenaan masih dalam kerja baik pulih, tetapi orang ramai masih boleh melakukan aktiviti riadah selain melakukan lawatan untuk tujuan pendidikan.

"Di laluan A ini ada sedikit kemudahan yang perlu di baik pulih lagi ini termasuklah di taman haiwan yang mana berlaku kerosakan di kandang haiwan kerana dihempap pokok akibat ribut.

"Kawasan lain seperti taman rempah ratus dan laman



ORANG ramai boleh melakukan aktiviti riadah selain melakukan lawatan untuk tujuan pendidikan di taman ini.





PENUTUPAN Taman Botani Negara di Bukit Cerakah, Shah Alam dilakukan kerana kerja pembersihan dan pemulihan akibat kejadian ribut pada Mac lalu.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 13/7/2019 | UTUSAN MALAYSIA | UTUSAN KOTA | 19 |



LAMAN padi antara lokasi di taman botani yang dibuka kepada pengunjung. - UTUSAN/ SHAHARANI SAIBI



MOHD. SALLEHHUDIN HASSAN (dua dari kanan) melepaskan peserta larian sempena Program Taman Botanik Negara Shah Alam, Selangor di taman berkenaan baru-baru ini-BERNAMA

padi tidak terjejas, kita harap laman padi juga akan dapat menghasilkan padi dalam tempoh terdekat ini yang mana pengunjung berpeluang untuk turun ke bendang melihat sendiri proses menuai padi," katanya.

Mengulas lanjut, Mohd Sallehhudin berkata pihaknya berharap menjelang Januari tahun depan, kesemua fasiliti di taman botani itu dapat dibuka sepenuhnya kepada pengunjung.

Beliau berkata, buat masa ini kawasan yang masih belum dapat beroperasi ialah tapak fasiliti membabitkan aktiviti sukan lasak.

"Kawasan yang masih diselenggara ialah di laluan B dan C yang membabitkan kawasan pengembaraan seperti laluan merentas hutan, berbasikal dan aktiviti sukan lasak yang lain," katanya.-BERNAMA



PEMBUKAAN semula taman botani itu lebih awal adalah bertujuan membolehkan orang ramai melakukan aktiviti riadah. - UTUSAN/MOHD. SHAHRANI SAIBI

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | MOA mahu IADA Kota Belud majukan tanaman padi organik | | |
| MediaTitle | Harian Ekspres (KK) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Tempatan | Circulation | 25,055 |
| Page No | 1 | Readership | 75,165 |
| Language | Malay | ArticleSize | 177 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 376 |
| Frequency | Daily (EM) | PR Value | RM 1,128 |



# MOA mahu IADA Kota Belud majukan tanaman padi organik

KOTA BELUD: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) mahu Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kota Belud terus komited memajukan pembangunan tanaman padi organik di Kampung Tambatuon, dekat sini.

Timbalan Menterinya, Sim Tze Tzin berkata, kementerian akan sentiasa menyokong usaha IADA Kota Belud bagi mengkomersialkan tanaman padi organik di kampung berkenaan memandangkan ia mempunyai potensi tersendiri dan permintaan dalam pasaran juga cukup meluas.

"(IADA Kota Belud) perlu menjadikan tempat (Kampung Tambatuon) sebagai lokasi istimewa bagi tanaman padi organik kerana beras dihasilkan mempunyai khasiat tinggi selain harganya juga tinggi.

"Usaha memajukan tanaman padi organik di kampung ini juga akan mampu meningkatkan hasil pendapatan petani sekali gus seiring dengan hala tuju kementerian untuk memastikan pendapatan petani dapat ditingkatkan.

"Apabila hasil pendapatan petani meningkat, mereka pastinya akan lebih bermotivasi untuk meningkatkan lagi hasil pengeluaran padi mereka," katanya ketika berucap merasmikan Program Kembara Media MOA dan Pusat Informasi Padi Kampung Tambatuon di sini, pada Jumaat.

Dalam pada itu, Sim juga mahu IADA Kota Belud memberi perhatian untuk menambahbaik sistem pengairan dan saliran di Kampung Tambatuon bagi memastikan para petani di kampung berkenaan mendapat sumber air mencukupi bagi tanaman padi organik.

Mengenai Pusat Informasi Padi, Sim berkata, ia adalah bukti kesungguhan kerajaan menerusi IADA Kota Belud dalam memastikan penyaluran maklumat terkini berkaitan pembangunan padi negara dapat disampaikan kepada golongan sasar. – Bernama

Powered by: isentia

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Petani Kg. Tambatuon berpotensi majukan padi organik | | |
| MediaTitle | Utusan Borneo Online (http://www.utusanborneo.com.my/) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Full Color |
| Section | News | Circulation | 3 |
| Order Rank | 10 | Readership | |
| Language | English | ArticleSize | N/A |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 450 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 1,350 |

# Petani Kg. Tambatuon berpotensi majukan padi organik

KOTA BELUD: Petani Kampung Tambatuon di sini miliki potensi memajukan tanaman padi organik untuk pasaran yang lebih luas.
Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) melalui Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) melihat potensi berkenaan ...

*To read the rest of the article, click* ***View Full Article***

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Federal support for Kota Belud`s organic paddy efforts | | |
| MediaTitle | Daily Express (KK) | | |
| Date | 13 Jul 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 25,055 |
| Page No | 2 | Readership | 75,165 |
